

**BAHASA ETNIK IBAN DI SARAWAK**  
***ETHNIC LANGUAGE IN SARAWAK***

*Chemaline Anak Osup*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Perak, Malaysia.  
chemeline@fbk.upsi.edu.my

**ABSTRAK**

Bahasa etnik Iban dituturkan oleh satu pertiga daripada penduduk Sarawak, iaitu masyarakat indigenous yang terbesar di negeri yang meliputi kawasan seluas 47,000 batu persegi. Bahasa ini telah menjadi lingua-franca dan bahasa perdagangan dalam kalangan orang Iban, Cina, Melayu, Bidayuh enggau Orang Ulu pada zaman Rajah Brooke. Penutur bahasa Iban didapati di Sarawak, Sabah, Brunei dan Kalimantan dan bahasa ini adalah milik atau kepunyaan kumpulan bahasa Melayu, yakni MalayoPolynesia dari rumpun bahasa Austronesia. Walau bagaimanapun, bahasa Iban tidaklah dapat difahami dengan begitu baik oleh penutur jati bahasa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu atau Indonesia. Oleh demikian, bahasa Iban boleh dianggap sebagai satu dialek bahasa Melayu. Sebagai ahli kepada keluarga bahasa Malayo-Polynesia dari rumpun bahasa Austronesia, bahasa Iban sangat berkait rapat kepada bahasa Melayu Indonesia dan pelbagai dialek bahasa Melayu di negara kita. Maknanya, sekiranya seseorang itu mahir berbahasa Melayu, dia memang berkeupayaan untuk memahami kata-kata dan ungkapan bahasa Iban. Bahasa Iban ialah bahasa yang terdiri daripada 60 peratus kata-kata dasar bahasa Melayu. Sesungguhnya, bolehlah ia dikatakan sebagai sub-kumpulan bahasa

Melayu. Yayasan Tun Jugah (TJF) yang telah ditubuhkan pada tahun 1985 telah berusaha dengan gigih untuk mengumpul, mentranskripsi, menterjemah dan menginterpretasi folklor masyarakat Iban bagi memudahkan sarjana kontemporari dan generasi Iban yang mendatang mengkaji kesusasteraan dan bahasa etnik Iban.

Kata Kunci: jaku, bansa, lemambang, manang, globalisasi, adat, masyarakat sungai

### **ABSTRACT**

*Iban language spoken by a third of the population of Sarawak, the indigenous peoples of the largest in a state covering an area of 47,000 square miles. This language has been the lingua-franca and language of commerce among the Iban, Chinese, Malay, Bidayuhenggau Orang Ulu during the Rajah Brooke. Iban language speakers can be found in Sarawak, Sabah, Brunei and Kalimantan and this language belong to a group of Malay or the Malayo-Polynesian of the Austronesian language family. However, Iban language is not so well understood by native speakers of the Malay Peninsula Malay or Indonesian. Therefore, the Iban language can be considered as a dialect of Malay. As a member of the family Malayo-Polynesian language of the Austronesian language family, Iban language is closely related to Indonesian Malay and various dialects of the Malay language in our country. Meaning, if someone is proficient in Malay, he is able to understand the words and phrases in Iban language. Iban language is a language with 60 percent of basic words in Malay. Indeed, it may be said to be a subgroup of the Malay language. TunJugah Foundation (TJF), which was established in 1985, has been working hard to collect, transcribe, translate and interpret Iban folklores in order to facilitate the contemporary Iban folklore scholars and future generations of the Iban to study literature and language of Iban.*

*Keywords: jaku, ransom, lemambang, manang, globalization, tradition, river community*

## **PENGENALAN**

Sarawak ialah sebuah negeri yang mempunyai kepelbagaian bahasa etnik di Malaysia dengan bahasa dan dialek nya berasal dari rumpun bahasa Austronesia dan Iban ialah salah satu daripada ahli keluarga bahasa tersebut. Ramai ahli linguistik dan ahli antropologi telah berusaha mengkaji beberapa aspek Bahasa Iban tetapi Asmah Haji Omar (1981) telah berjaya membuat satu deskripsi gramatikal yang lengkap tentang tatabahasa bahasa etnik ini dalam kajian beliau pada tahun 1969 yang telah dikemukakan (diserahkan) kepada London sebagai tesis Ph.D beliau. Kajian tentang bahasa Iban yang telah dilakukan oleh Asmah ini kemudiannya menjadi satu sumber yang berguna kepada ahli-ahli bahasa, ahli antropologi dan saintis sosial yang berhasrat untuk melakukan kajian lanjutan tentang bahasa etnik ini. Makalah ini hanya menyentuh secara superficial sahaja inventori fonemik dan sistem fonologikal bahasa Iban dan mencuba untuk memberi beberapa deskripsi morfologikal tentang bahasa ini dengan deskripsi ringkas tentang intonasinya. Kelihatannya, keseragaman dalam bahasa Iban dan bahasa Melayu masih ketara dalam kedua-dua bentuk pertuturan dan penulisan. Pada dasarnya, makalah ini mempunyai tiga objektif – pertama, untuk memberi gambaran keseluruhan tentang bahasa Iban; kedua, untuk memberi sedikit nota penjelasan tentang sebutan, nama am dan adjektif dalam bahasa Iban; dan ketiga, utk membincangkan peranan Yayasan Tun Jugah dalam usaha mengumpul, menyimpan dan mengembangkan bahasa dan kebudayaan Iban.

### **Orang Iban**

Orang Iban adalah kumpulan etnik pribumi yang terbesar di Sarawak. Mereka tersebar di seluruh Sarawak dan didapati mendiami pelbagai kawasan persisiran pantai di Kuching, Saribas, Skrang, Lemanak, Batang Lupar, Lundu, Miri, Bintulu, Kapit, Limbang, Lawas and Sri Aman. Masyarakat etnik ini dibezakan dari etnik-etnik lain oleh dialek mereka, dan mereka dikenali atau diasosiasikan dengan petempatan (Sandin, 1967) mereka di tepi-

tepi sungai, iaitu fitur geografikal yang signifikan kerana berdekatan dengan tempat-tempat kediaman (Sather, 1994: 26) atau rumah panjang mereka. Menurut Sather, sungai menjadi fokus kepada identiti sosial kumpulan etnik Iban, sehingga terbentuk masyarakat sungai (riverine society), kerana tempat-tempat kediaman mereka terletak pada tebing dan lembangan sungai (watershed boundaries). Maknanya, sesiapa sahaja yang mendiami kawasan lembangan dan tepi sesebuah sungai berkemungkinan berkongsi kebudayaan dan adat resam yang sama (McKeown, 1983: 70) dan dikenali berbeza dari etnik-etnik yang lain disebabkan perbezaan dialek (Harrison, 1966), kebudayaan, tradisi dan adat (way of life) mereka.

Dari segi bilangan, orang Iban adalah indigenous yang terbesar di Bumi Kenyalang. Tambahan pula, kumpulan etnik ini adalah komuniti yang tersebar luas kerana mereka didapati di empat wilayah politik di Borneo iaitu di Sarawak, Sabah, Brunei Darussalam dan Kalimantan. Pada tahun 2013, jumlah penduduk orang Iban di Sarawak sahaja ialah melebihi 800,000. Bagaimana pun, orang Iban hidup secara harmoni dengan etnik-etnik yang lain, yakni mereka bergaul dan berinteraksi dengan baik dengan etnik-etnik Melayu, Cina, Bidayuh dan Orang Ulu. Hubungan mereka yang dinamik dan terbuka dengan etnik-etnik lain telah mengubah masyarakat ini dan kebudayaan mereka (Vinson and Sutlive, 2001: 736). Keunikan kebudayaan, bahasa dan adat resam orang Iban telah menggalakkan minat pengkaji-pengkaji dari seluruh dunia untuk membuat kajian tentang masyarakat Iban dan melalui kajian-kajian ini akan wujudlah rekod etnografik tentang etnik Iban untuk generasi mereka yang akan datang.

## **Bahasa Iban**

Bahasa (Jaku) Iban dituturkan oleh satu pertiga daripada penduduk Sarawak (lebih kurang 800,000 orang) pada tahun 2013, iaitu masyarakat indigenous yang terbesar (Hayward, 1963) di Bumi Kenyalang yang meliputi kawasan seluas 47,000 batu persegi. Bahasa ini telah menjadi lingua-franca dan bahasa perdagangan

dalam kalangan orang Iban, Cina, Melayu, Bidayuh enggau Orang Ulu pada zaman Rajah Brooke dahulu. Penutur bahasa Iban didapati di Sarawak, Sabah dan Brunei Darusalam. Bahasa ini juga dituturkan oleh orang pribumi di Kalimantan, khususnya masyarakat yang mendiami kawasan utara di tebing Sungai Kapuas. Beberapa dialek bahasa Iban juga dituturkan oleh golongan etnik yang mendiami kawasan ke bahagian selatan Sungai Kapuas itu (Harrison, 1959). Di Sarawak itu sendiri, bahasa Iban telah menjadi lingua franca di mana-mana petempatan tetap orang Iban. Lazimnya rumah-rumah panjang orang Iban dan juga tanah mereka didapati di sepanjang tebing dan lembangan sungai. Rumah-rumah panjang dan tanah perhumaan mereka juga terdapat di kawasan bukit, kira-kira 1,000 kaki atas paras laut, kerana mereka mengelak kawasankawasan dan jalur pantai yang sempit dan berpaya (Richards, 1981: iii).

Bahasa Iban itu sendiri adalah milik atau kepunyaan kumpulan bahasa Melayu, yakni Malayo-Polynesia dari rumpun atau keluarga bahasa Austronesia. Walau bagaimanapun, bahasa Iban tidaklah dapat difahami dengan begitu baik oleh penutur jati bahasa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu atau Indonesia. Oleh demikian, bahasa Iban boleh dianggap sebagai satu dialek bahasa (Richards, 1981: iii). Sebagai ahli kepada keluarga bahasa Malayo-Polynesia, kelihatannya bahasa Iban sangat berkait rapat kepada Sumatera, namun bagaimana dan bila bahasa ini tiba ke tempat ini masih belum dapat diketahui atau dipastikan. Sehingga orang Spaniards dan Portuguese mula bertapak dan mendirikan koloni mereka di kawasan kawasan Nusantara, bahasa Austronesia telah menjadi bahasa keluarga yang tersebar luas ke seluruh dunia (Steinmayer, 1999: 9). Menurut Steinmayer, sehingga ke saat ini pun, bahasa Austronesia ini terbentang dari Madagaskar di Barat ke Hawaii dan pulau Easter di timur, dari Taiwan di utara ke New Zealand di selatan. Contohnya, orang Iban menyebut kelapa sebagai “nyiu” dan orang Hawaii pula menyebutnya sebagai “niu”. Semua bahasa pribumi di Borneo adalah berkaitan antara satu satu sama lain, dan juga berkaitan dengan Bahasa Melayu, iaitu Bahasa Kebangsaan Malaysia. Sebagai ahli keluarga bahasa Austronesia

pula, ia berkait dengan Bahasa Indonesia dan pelbagai dialek bahasa Melayu (Adelaar, 1995). Tidak boleh dinafikan bahawa bahasa Iban sangatlah dekat atau berkaitan rapat dengan bahasa Melayu, walaupun bahasa Iban itu juga amat berkait dengan bahasa ancestral mereka. Kelihatannya bahasa ancestral yang muncul di Borneo ini telah berkembang menjadi kedua-dua bahasa Iban dan bahasa Melayu (Bruggeman, 1985). Maknanya, sekiranya seseorang itu mahir berbahasa Melayu, dia memang berkeupayaan untuk memahami kata-kata dan ungkapan bahasa Iban.

Vinson dan Sutlive (1994: vii) menegaskan bahawa walaupun bahasa Iban ialah bahasa yang berbeza daripada bahasa Melayu, ia terdiri daripada 60 peratus kata-kata dasar Melayu dari keluarga bahasa Malayo-Polnesia. Tambahan pula, bahasa Iban ialah dialek bahasa dari keluarga Austronesia. Oleh demikian, bolehlah ia dikatakan sebagai sub-kumpulan bahasa Melayu walaupun persamaan kata dan ungkapan kedua-dua bahasa ini tidaklah terlalu banyak. Selain perbezaan dari segi leksikon, terdapat perbezaan lain seperti pengalihan bentukbentuk nominal (seperti frasa nama) dalam bahasa Melayu melalui penambahan prefix (awalan) dan akhiran, tetapi bahasa Iban tidak mempunyai penambahan akhiran.

Meskipun orang Iban tersebar luas di seluruh wilayah Borneo, ciri yang masih ketara dilihat pada bahasa Iban ialah kehomogenan atau keseragaman bahasanya. Vinson dan Sutlive memberi dua sebab untuk menjelaskan keadaan demikian – pertama, orang Iban tersebar luas ke Borneo; kedua, kekerapan mereka berinteraksi atau berhubung dengan ahli-ahli masyarakat Iban di pelbagai tempat.

Terdapat perbezaan dialek tempatan (dialek daerah) atau loghat dalam bahasa Iban terutamanya dari segi kata-kata yang dituturkan. Tetapi mereka sendiri mungkin tidak berapa mengetahui tentang perbezaan ini walaupun tidak ketara sangat. Contohnya, terdapat perbezaan dialek antara daerah atau petempatan dari segi aksen atau tekanan bunyi perkataan yang disebut, iaitu cara mereka mengaksenkan (menekankan) bunyi sesuatu perkataan. Clifford Sather (1993) menjelaskan bahawa

dalam hal perbezaan dialek daerah ini, dialek Iban Sebuyau di Bahagian Kuching adalah dialek yang paling distinktif atau berbeza. Menurut Sather juga, dialek Iban Balau dan Lingga paling banyak menerima pengaruh dari bahasa Melayu.

Sehubungan dengan pengaruh dari orang Melayu, orang Iban "Saribas" di utara Bahagian Betong yang telah lama akrab dengan masyarakat Melayu, adalah orang Iban yang pertama mendapat manfaat ekonomi dari hasil ladang getah yang ekstensif di Sarawak dan mereka juga beruntung kerana mubaligh-mubaligh kristian mendirikan sekolah-sekolah di kawasan-kawasan petempatan mereka. Namun, orang-orang Iban di Ulu Ai dan Baleh adalah komuniti peneroka-peneroka yang menempuh pelbagai kerumitan dalam kehidupan mereka, kurang menikmati kesenangan hidup seperti orang Iban Saribas pada awalnya, tetapi mereka menuturkan bahasa Iban yang seragam dengan bahasa Iban di tempat-tempat yang lain dan mereka bertutur dengan cara yang agak laju atau "rapid" (Borneo Literature Bureau, 1965). Meskipun di beberapa kawasan kediaman orang Iban, kedengaran kasar dan kekampungan bunyi bahasa apabila mereka bercakap, tetapi maksud dan niat pertuturan mereka adalah baik dan santun.

Sesungguhnya, bahasa Iban tidaklah begitu sukar untuk menutur dan memahaminya. Ramai yang menulis dalam bahasa etnik ini agak bimbang tentang penulisan bahasa Iban yang standard, tetapi kekhuatiran ini menyebabkan pengarang mengeneipikan bahasa basahan (kolokial) kerana dianggap tidak betul, walaupun normal atau biasa digunakan dalam pertuturan; contohnya, menukar susunan perkataan dalam sesuatu ayat atas beberapa alasan penekanan atau pemberian makna tertentu. Orang Iban sebenarnya adalah gigih, entusiastik dan ingin sekali mempelajari bahasa mereka sendiri dan sentiasa berhati-hati supaya tidak sewenang-wenangnya mencampur-aduk bahasa mereka dengan bahasa-bahasa yang lain, kerana hal demikian akan mematikan dan menghapuskan bahasa asal mereka.

Secara amnya, orang-orang di Borneo agak mahir mempelajari bahasa-bahasa yang lain. Contohnya, orang Dayak di Sarawak boleh bertutur sekurang-kurangnya dalam dua bahasa,

bukan sahaja dialek daerah atau tempatan tetapi bahasa lain seperti bahasa Cina dan bahasa Inggeris yang berada di luar rumpun bahasa Austronesia. Kelihatannya, orang Iban boleh bertutur dalam banyak bahasa sebab mereka tidak malu mencuba berkomunikasi dengan sesiapa sahaja pada peringkat asas, lalu mereka kian berlatih untuk mengukuhkan kemahiran bertutur dalam bahasa berkenaan. Orang-orang bukan Iban tidak perlu berasa segan dan malu untuk mencuba menggunakan bahasa Iban apabila berinteraksi dengan orang Iban. Lama kelamaan pengetahuan asas (rudimentary knowledge) tentang bahasa Iban itu akan menjadi lebih mantap dan kukuh.

Steinmayer (1999:9) menegaskan, berdasarkan pengalaman beliau sebagai suami kepada seorang wanita Iban, bahawa orang Iban sendiri akan berasa senang hati membetulkan kesilapan bahasa yang dituturkan. Mereka gembira melihat orang lain berusaha mempelajari bahasa Iban dan mereka gembira sereta rela membantu orang yang ingin menguasai bahasa Iban. Walaupun mereka berusaha secara sedar atau formal untuk membantu membetulkan kesilapan bahasa pertuturan, seseorang itu akan dapat juga menguasai bahasa Iban dengan cepat kerana pastinya mereka akan menolong membetulkan kesilapan secara tidak langsung dalam perbualan-perbualan yang berlaku. Orang yang belajar menguasai bahasa Iban perlu banyak menggunakan bahasa Iban, memberi tumpuan kepada pembetulan yang dilakukan secara tidak langsung, dan kerap berlatih berbahasa dengan sesiapa sahaja tentang pelbagai perkara yang dituturkan; sudah tentu bahasa Iban anda akan menjadi lebih baik dan penggunaannya lebih berkesan.

Oleh yang demikian, cara terbaik untuk belajar bahasa Iban ialah bertutur dan berseronok-seronok menggunakan bahasa Iban. Jika ada orang ketawa bila berlaku kesilapan dalam pertuturan, kemungkinannya disebabkan mereka geli hati mendengar pernyataan atau ungkapan yang agak janggal atau lucu (lawak) digunakan dalam pertuturan itu, Mereka ketawa bukan kerana niat mereka untuk memperli atau merendahkan orang itu, tetapi ketawa keriangan hendak membetulkan kesilapan demikian. Orang yang belajar bahasa Iban perlu banyak mendengar dan kerap

berlatih bertutur. Kebolehan seseorang itu boleh berbahasa Iban bukan sahaja boleh dilihat dari segi keupayaannya mengungkapkan atau menyatakan tentang diri dia sendiri tetapi juga dilihat dari segi keupayaannya untuk memahami nuansa (nuances), iaitu pandangan, idea atau mesej dalam percakapan orang lain.

Sehingga hari ini bahasa Iban masih kekal menjadi bahasa pertuturan yang utama di Sarawak. Penyesuaian sosial kepada ekonomi dan perubahan politik telah membawa kepada kemerosotan, kerosakan, kehancuran dan kepupusan sastera lisan, khususnya yang berkaitan dengan ritual, tradisi, mitos, puisi dan epik rakyat Iban yang mengandungi bahasa Iban yang ekspresif, metaforik, retorik dan figuratif. Jika ritual, tradisi, mitos, epik dan puisi ini tidak dikumpul dan disimpan oleh orang Iban, mereka akan kehilangan sebahagian besar dari kebudayaan hidup mereka. (Scott, 1957). Korpus sastera ini adalah bernilai untuk masyarakat Iban dan perlu dipelihara dan dikekalkan demi etnik pribumi ini. Bahasa dan sastera etnik Iban bolehlah dikaji dan ia menyumbang kepada khazanah pengetahuan di dunia ini. Sastera Iban bukan sahaja mempunyai nilai sejarah yang dihargai oleh mereka sendiri tetapi boleh memmanifestasi identiti dan jati diri mereka sebagai etnik pribumi di Bumi Kenyalang. Dalam tempoh tiga puluh tahun yang lepas, usaha mengumpul dan menyimpan korpus sastera dan bahasa Iban telah dilakukan dengan gigih oleh Benedict Sandin dan Carol Rubenstein; tetapi masih banyak lagi usaha yang diperlukan untuk mengumpul, menyimpan, memelihara dan mengembangkan bahasa dan sastera Iban; jika tidak, ia akan hilang begitu sahaja ditelan zaman moden dan era globalisasi.

### **Sebutan, Kata Nama dan Adjektif Dalam Bahasa Iban**

Orang Iban menggunakan tulisan Roman a, b, c, d, e, f, g, h, i, j, k, l, m, n, o, p, q, r, s, t, u, v, w, x, y dan z. Tulisan ini mewakili fonem-fonem dalam bahasa Iban. Walau bagaimanapun, fon seperti f, q, v, x, dan z tidak wujud dalam bahasa Iban. Oleh demikian, apabila menulis kata pinjaman, fon-fon ini digunakan tetapi disebut sebagai p, k, b, s, dan d. Bahasa Iban juga tidak mengeja c seperti /c/ tetapi

kekal mengejanya sebagai /ch/, tidak mengikut bahasa Melayu moden dan bahasa Indonesia.

Dalam bahasa Iban terdapat lima bunyi vokal, iaitu vokal a, e, i, o dan u. Bunyi e adalah pendek atau sederhana, seperti bunyi pepet dalam bahasa Melayu. Vokal i adalah satu bunyi yang panjang seperti ee. Seterusnya, terdapat vokal o seperti dalam perkataan English 'belong', namun ia kadang-kadang wujud atau muncul dalam bunyi akhir sesuatu perkataan, seperti bunyi ow dalam perkataan 'fellow' (Richards, 1981: xii). U disebut dengan oo seperti dalam perkataan 'boot' dalam English. Kerap kali terdapat variasi antara bunyi vokal o dan u, tetapi amnya kedua-dua vokal ini digunapakai sebelum penggunaan konsonan h, k atau ng dalam perkataan yang mana bunyi akhir sukukata seperti dalam perkataan-perkataan tutoh, tutok, tutong, rumah, Memaloh, wong, yang, menua, menoa dalam sistem ejaan lama bahasa Iban. Diftong pula disebut sebagai ai (seperti dalam perkataan 'lie' dan 'my'), au (seperti dalam perkataan 'how', 'now'), ei (seperti dalam perkataan 'hay'), oi (seperti dalam perkataan 'toy' dan ui (seperti bunyi 'wee' dalam perkataan 'sweet').

Konsonan dalam bahasa Iban disebut seperti dalam bahasa English kecuali konsonan g yang ditulis sebagai j dan c mewakili ch. Namun, konsonan ng dan ny lazimnya masing-masing dianggap sebagai satu bunyi. Jika konsonan ng diikuti oleh bunyi g, konsonan g sekali lagi ditambah kepadanya supaya menjadi ngg seperti dalam perkataan tangga. Contohnya, jika perkataan English 'finger' itu bahasa Iban, ia akan ditulis seperti 'fingger'. Tetapi perkataan 'singer' hanya ada satu g sahaja.

Afrikat h disenyapkan jika ia berada di awal perkataan atau beberapa kata seruan. Lazimnya, bunyi afrikat h yang telah ditulis itu digugurkan ketika bertutur. Contohnya, hari (day) dilafaz sebagai ari, dan dalam konteks frasa penempat ia boleh dibezakan dengan merujuk kepada tempat dari mana sesuatu perkara atau sesorang itu datang iaitu ari (from). Maknanya, hari (day) tidak sama dengan ari (from) mengikut konteks. Ambil perhatian bahawa afrikat atau initial h dalam kata pinjaman adalah

digugurkan - contohnya, penghulu (headmen) dalam bahasa Melayu disebut pengulu dalam bahasa Iban.

Bagaimana, terdapat variasi dalam sebutan yang memberi impak atau mempengaruhi ejaan, khususnya kata-kata pinjaman. Konsonan c, j dan s bolehlah digunakan secara bertukar-ganti (interchangeable), contohnya changkul, sangkul (hoe) or cherita, jerita (story). Sementara itu, konsonan l dan r selalunya digunakan secara bertukar-tukar, khususnya dalam kalangan orang Iban dari desa Lemanak, seperti dalam perkataan urar, ural untuk kata ular (snake). Kelihatannya juga, afrikat h yang berada di akhir perkataan boleh juga mewakili s seperti yang sering digunakan dalam beberapa kawasan kediaman orang Iban, contohnya betih, betis (shin), gumih, gumis (whiskers), pedis, pedis (pain), bagah, bagas (hardworking). Dalam beberapa kes pula, konsonan s yang terletak di belakang perkataan selalu ditukar dengan u seperti dalam perkataan mau untuk mas (gold) dan berau untuk perkataan beras (raw rice). Di Saribas, initial -in dan -i juga boleh menjadi -oi seperti dalam perkataan paloi untuk palui (foolish) atau tanggoi untuk tanggi (hat).

Dalam kes kata nama (Richards, 1981: xv), kejantinaan (gender) orang atau haiwan boleh diketahui dengan menggunakan adjektif laki (male) atau indu (female). Perkataan berasingan yang membawa maksud kejantinaan untuk individu-individu seperti apai (father), indai (mother), laki (husband), bini (wife), bujang (young man), dara (young woman) dan apai indai (parents). Bilangan dinyatakan melalui konteks adjektif yang menyatakan kuantiti atau dengan menggunakan angka (numeral) dan penjodoh bilangan. Hal ini bolehlah ditunjukkan, contohnya untuk menyatakan bilangan tertentu seperti orang (persons, people), sida (they, them), bansa (race), bala (crowd), kaban (group), raban (group), orang indu (women), bala pengabang (the guests), sida bansa Cina (the Chinese) and raban utai (collection of concrete things).

Adjektif dalam bahasa Iban menyusuli kata nama, seperti dalam kata-kata seruan (Richards, 1981: xv). Perbandingan ini dinyatakan dengan penggunaan kata agi (more) selepas sesuatu perkataan banding seperti besai agi (bigger) atau sebelum sesuatu

kata banding seperti kurang (less), lebih (more), enda tentu (not very). Superlatif pula dibentuk dengan meletakkan adjektif kuantiti sebelum kata nama seperti pepadu (extreme) atau pengambis (utmost). Adverba yang menunjukkan tingkat atau tahap sering kali digunakan sebagai penguat (intensifiers) kepada maksud tertentu seperti iga, udu (very, too much), amat, bendar (truly) dan sigi (really).

Pengulangan (penggandaan) juga digunakan untuk menguatkan maksud sesuatu perkataan. Dalam bahasa Iban terdapat banyak adjektif yang menyatakan kuantiti walaupun tidak dapat menyatakan secara spesifik kuantitinya seperti perkataan magang (all), mayuh (many), menggal (few), mimit (a little) dan sekeda (part, some). Selain itu, terdapat kata sandang (article), tentu atau tak tentu tetapi bila perlu, kata sanding tentu itu dinyatakan dengan kata demonstratif nya (that) atau tu (this) dan kata sandang tak tentu dinyatakan dengan menggunakan kata sa (one) dan penggunaan penjodoh bilangan yang menunjukkan angka seperti siku, sesiku (a person).

### **Peranan Yayasan Tun Jugah.**

Yayasan Tun Jugah (TJF) ditubuhkan pada tahun 1985 dan penubuhan yayasan ini menandakan permulaan usaha yang gigih dan bersepadu untuk memelihara dan mengembangkan bahasa dan kebudayaan Iban. Seperti mendiang Tun Jugah, orang Iban patut berasa bangga dengan bahasa dan warisan budaya mereka sendiri. Selepas kematian Tun Jugah pada 8 Julai 1981, anaknya Datuk Amar Linggi Jugah, mendirikan Yayasan Tun Jugah bagi mengingati ayahnya serta menghargai jasa bakti ayahnya kepada orang Sarawak, khususnya orang Iban. Tugas utama Yayasan Tun Jugah ialah mengumpul, mentranskripsi, menterjemah dan menginterpretasi folklor masyarakat Iban bagi memudahkan sarjana kontemporari dan generasi Iban yang mendatang mengkaji kesusasteraan dan bahasa Iban.

Dalam bidang bahasa Iban, Yayasan Tun Jugah mempunyai visi dan misi untuk mengembangkan bahasa Iban dan menghasilkan

kamus Iban-English. Kamus ini penting kerana ia dapat menyimpan dan memelihara bahasa dan budaya Iban. Bahasa dan budaya ini akan menjadi peralatan intelektual bagi orang Iban kontemporari untuk menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan dalam perkembangan dunia pendidikan dan budaya. Kamus demikian pastinya akan menjadi alat penting yang diperlukan untuk mencipta bentuk folklor Iban yang pelbagai dan ekstensif dalam sastera Iban. Folklor Iban bukan sahaja meliputi segala ilmu pengetahuan dan ketamadunan Iban, tetapi merangkumi juga persembahan-persembahan ritual oleh lemambang (bards) dan manang (shaman) yang telah direkodkan dan diterjemahkan.

Demikianlah Yayasan Tun Jugah mewakili usaha leksografik bagi memudahkan kajian mendatang oleh sarjana kontemporari yang berminat untuk mengkaji bahasa Iban dan sasteranya. Malah kamus ini nanti sangatlah berharga dan berguna untuk menyimpan khazanah bahasa dan sastera Iban kerana bahan-bahan folklor memerlukan leksikon yang dimiliki dan disampaikan oleh pakar ritual seperti lemambang (Iban liturgical bards) dan manang (shamans). Yayasan ini akan terus berusaha dengan gigih dalam usaha memelihara bahasa dan sastera Iban selain menggalakkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan penerbitan dalam kalangan orang Iban generasi kini. Sesungguhnya, pengkaji kontemporari seperti penyelidik dan sarjana sangatlah bernasip baik kerana sudah ada bahan-bahan bahasa dan sastera yang telah dikumpul, disimpan, dipelihara, ditranskripsikan dan diterjemahkan oleh Yayasan Tun Jugah untuk kegunaan kajian mereka.

## **RUJUKAN**

Adelaar, K. Alexander. (1995). 'Borneo as a Crossroad for Comparative Linguistics' in *The Austronesians: Historical and Comparative Perspectives*. Edited by Peter Bellwood, James J. Fox and Farell Tyron. Canberra.

- Benedict Sandin. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo Before The White Rajah Rule*. London: MacMillan & Co. Ltd
- Borneo Literature Bureau. (1992). *The Sea Dayaks and Other Races of Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bruggeman, Rev. G. (1985). *English-Iban Vocabulary*. Kuching: Sarawak Literary Society Harrison,
- Tom. (1966). "Borneo Writing and Related Matters". *Sarawak Meseum Journal*. Vol. XIII. No.27.
- Nov Harrison, Tom. (1959). "The Peoples of Sarawak". *Sarawak Meseum Journal*. Kuching: Sarawak Meseum Publication
- Hayward, Nigel. (1963). *Sarawak, Brunei and North Borneo*. Singapore: Eastern University Press
- Mckeown, Francis Alexander. (1983). *The Merakai Iban: an ethnographic account with special reference to dispute settlement*. 2 vols. Monash University, unpublished *Ph.D thesis*
- Richards, A.J.N (1981). *An Iban-English Dictionary*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti
- Sather, Clifford. 1994. "Introduction". Sources of Iban Traditional History. *SMJ Special Monograph No.7*, Vol..XLVI (67)
- Scott, N.C. (1957). "Notes on the Pronunciation of Sea Dayak". *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*. Vol. 20. Cambridge: University of London
- Sutlive, Vinson & Joanne. (1994). *A Handy Reference Dictionary of Iban and English*. Kuching: The Tun Jugah Foundation
- Sutlive, Vinson & Joanne. (2001) *The Encyclopaedia of Iban Studies*. Vol.1. Kuching: The Tun Jugah Foundation